

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : YB DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
(JERANTUT)**

TARIKH : 17 OGOS 2020

SOALAN

DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS [JERANTUT] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan jumlah tangkapan yang telah dilakukan oleh Kementerian terhadap sindiket penjualan kad pengenalan palsu serta jumlah kad pengenalan palsu yang telah berjaya dijual oleh sindiket.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Berdasarkan rekod operasi yang dijalankan oleh Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) pada tahun 2019 hingga 30 Jun 2020 bagi kes penyalahgunaan dokumen pengenalan diri sama ada menggunakan Kad Pengenalan milik orang lain atau memiliki Kad Pengenalan palsu, sebanyak 126 orang telah berjaya ditangkap dan dituduh di bawah Peraturan 25(1)(e) Peraturan-Peraturan Pendaftaran Negara 1990.